

# Cabaran seorang mahasiswa, antara kualiti dan kuantiti?



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaiton.mohamad@yahoo.com

46 09-03-2012 B4

**D**ALAM meniti kehidupan sebagai seorang mahasiswa, sudah tentu pelbagai rintangan yang datang dan perlu dihadapi dengan seribu kepayahan dan keperitan. Kehidupan seorang mahasiswa bukan satu perkara yang mudah dan seronok seperti yang dipertontonkan di kaca televisyen mahupun media elektronik yang lain. Bagi seseorang yang bergelar mahasiswa dan mengerti akan tugas yang dipikulnya akan merasakan bebanah yang terpaksa dihadapi sehinggalah berjaya menyelesaikan tugasannya di akhir pengajian.

Namun bagi seseorang yang merasakan menjadi seorang mahasiswa hanya perlu

menumpukan pengajian di dalam dewan kuliah dan tidak perlu membuat rujukan di perpustakaan, membuat perbincangan secara berkumpulan dan tidak menyertai sebarang kegiatan ko-kurikulum adalah kurang tepat dan menunjukkan seorang yang pasif dan tidak berkualiti. Pelajar sedemikian akan menjurus kepada gaya hidup yang tidak sihat terutamanya tidak mempunyai kawan yang ramai, sukar untuk berinteraksi dengan rakan-rakan yang lain serta kurang mempunyai ciri-ciri kepimpinan. Dengan cara itu akan memberikan limitasi dalam pergaulan dan sukar untuk menambahkan ilmu pengetahuan. Lantaran itu kes-kes yang melibatkan masalah sosial seperti seks sebelum nikah, pergaulan sumbang dan sebagainya adalah kebanyakan berlaku di kalangan pelajar yang kurang bergaul dan apabila berkenalan dengan seseorang mereka akan

mudah percaya dan terpengaruh dengan pujukan sehinggakan tergadai harga diri.

Kehidupan seorang mahasiswa juga akan lebih bermakna sekiranya mempunyai ramai kenalan dan menyertai pelbagai aktiviti di semua peringkat universiti. Justeru itu dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada para mahasiswa Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Bengkel Perancangan Strategi dan Hari Keluarga pada 2 hingga 3 Mac 2012. Program itu telah diadakan di Mount Kinabalu Heritage Resort & Spa yang melibat 300 orang kakitangan dan keluarga daripada Hepa di Kota Kinabalu dan juga daripada Hepa kampus cawangan Labuan dan juga Sandakan.

Daripada Bengkel Perancangan Strategi itu, beberapa isu utama

telah dikenalpasti mengenai pengupayaan intelektual mahasiswa dan juga medium-medium dalam meningkatkan martabat mahasiswa ke peringkat globalisasi. Oleh sebab itu sebarang masalah yang timbul di kalangan mahasiswa adalah perlu diambil tahu oleh pihak pengurusan kolej mahupun pengurusan Hepa.

Lantaran itu pelbagai modul telah diadun untuk memberikan peningkatan kualiti dalam mengasah bakat kepemimpinan mahasiswa. Ini disebabkan setiap mahasiswa perlu berfikiran global namun bertindak lokal sesuai dengan budaya setempat. Justeru itu sebagai seorang yang mempunyai daya intelektual yang tinggi wajar melihat isu-isu semasa sama ada politik, isu-isu sosial dan ekonomi serta pendidikan kepada anak bangsa sebagai perkara pokok dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menjerumuskan diri

sendiri kepada perkara-perkara yang subversif dan mengganggu gugat pentadbiran politik semasa negara.

Malah melihat isu nasional itu sebagai perkara utama dalam pengajian yang boleh diketengahkan melalui penyelidikan dan kajian-kajian semasa untuk berdiri teguh di sebalik kepimpinan negara. Lantaran itu tidak akan timbul isu mengenai kecelaruan gender, ketidaktentuan cinta, mudah terpengaruh dengan pujuk rayu pasangan dan sebagainya. Malah melihat isu-itulah tersebut sebagai wadah dalam menguji diri dan meletakkan kayu ukur di mana nilai dan jati diri setiap mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi.

Ini disebabkan saban hari mahasiswa seolah-olah diperlekehkan dengan isu-isu yang remeh temeh dan memalukan seperti gejala penggunaan bahan terlarang, pergaulan sumbang,

berdemonstrasi jalanan, jenayah siber dan sebagainya. Seolah-olah keintelektualan mereka diragukan. Justeru itu melalui Majlis Timbalan-Timbalan Dekan HEPA dan juga Majlis Pengetua-Pengetua Kolej di universiti dapat melakukan sesuatu aktiviti dan program yang boleh memberikan anjakan paradigma kepada setiap mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi supaya lebih memikirkan isu-isu semasa yang relevan dengan status yang dipegang iaitu seorang mahasiswa negara.

Maka moleklah kiranya setiap golongan pengajar di Institusi Pengajian Tinggi bersama-sama berganding mahu dengan Pihak Pengurusan HEPA dalam membantu meningkatkan kembali martabat dan kualiti mahasiswa setanding dengan Institusi Pengajian Tinggi di luar negara.

*\* Penulis adalah Pegawai Psikologi HEPA, UMS*